

## 4.17

# Peranan Penterjemahan dalam Pembinaan Bahasa: Contoh Negara- negara Tertentu

*Laurent Metzger*

Antara ribuan penyelidikan tentang bahasa dan ratusan tajuk mengenai penterjemahan, jarang sekali kita dapati kajian tentang pengaruh penterjemahan ke atas satu bahasa. Walau bagaimanapun sejak awal-awal dahulu manusia sudah mula menterjemah kerana manusia berhubung dengan kaum-kaum lain yang menggunakan pelbagai bahasa. Jadi penterjemahan dibuat dan pengaruhnya terhadap bahasa sasaran bermula pada masa itu. Peranan pertama dalam terjemahan adalah menjadi saluran pengetahuan. Misalnya, kita sudah sedar akan pengetahuan yang diperoleh oleh orang Jepun melalui penterjemahan karya-karya teknikal asing. Dengan pengetahuan itu pakar-pakar mereka dapat mencipta barang-barang yang bermutu. Dalam kertas kerja ini saya akan mengemukakan dua contoh daripada pengaruh penterjemahan terhadap bahasa, iaitu bahasa Arab dan bahasa Jerman. Saya juga akan menghuraikan tentang pengaruh bahasa itu terhadap bahasa Malaysia.

### **PENGARUH PENTERJEMAHAN TERHADAP BAHASA ARAB**

Dalam sejarahnya, bahasa Arab mengalami dua zaman yang gemilang. Pada kedua-dua zaman itu, kita dapat perhatikan bahawa kegiatan penterjemahan sangat pesat. Zaman pertama ialah pada zaman Khalifah Abbasiyah (T.M. 750-1258) dan zaman kedua berlaku di Mesir pada abad ke-19. Memang penterjemahan sudah dibuat sebelum Khalifah Abbasiyah itu (misalnya pada zaman Umayyah. T.M. 661-750) tetapi jumlah terjemahan agak terhad pada masa itu. Khalifah Al-Ma'mu tertarik kepada tulisan-tulisan Yunani. Beliau membuka "Bait al-Hikmah" iaitu satu "Rumah Hikmat" dengan satu jabatan penterjemahan. Di dalam rumah itu, dua penterjemah memainkan peranan penting dalam penterjemahan daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab, iaitu Hunayn Ibn Ishaq dan Thabit Ibn Qurrah.

Jabatan penterjemahan yang ditubuhkan pada masa itu bukan sahaja menterjemahkan karya-karya Yunani tetapi juga melatih bakal-bakal penterjemah. Pada masa itu kesulitan utama yang dialami oleh para penterjemah ialah kelemahan bahasa Arab dari segi peristilahan.

Zaman penterjemahan yang kedua berlaku pada abad ke-19. Mesir pada masa itu tertarik kepada kebudayaan serta sastera Barat. Sebenarnya di samping sifat buruk yang timbul dalam peperangan kadang-kadang terdapat juga yang baik. Misalnya dengan kedatangan Napoleon ke Mesir pada tahun 1798 adalah memberi faedah kepada orang Mesir dan orang Eropah. Orang Mesir didedahkan kepada kebudayaan Barat serta sasteranya, sedangkan orang Eropah diberitahu tentang kebudayaan dan sastera Mesir. Misalnya Batu Rosetta yang didapati di Mesir oleh askar Perancis yang bernama Bouchard pada tahun 1799 dan selepas itu dikaji oleh Champollion membolehkan pakar itu memahami Hieroglyphics yang pada masa itu belum diketahui. Rosetta itu merupakan salah satu karya dalam tiga bahasa di dunia, iaitu hieroglyphics, demotic, dan Yunani. Tarikhnya dianggap pada tahun 196 sebelum Masehi. Di Mesir, penterjemahan tidak dibuat lagi daripada bahasa Yunani tetapi daripada beberapa bahasa Eropah seperti bahasa Perancis, Inggeris dan sebagainya. Pelopor zaman penterjemahan itu ialah Muhammaad Ali (1769-1849). Antara penterjemah yang mahir pada masa itu ialah Al-Tantawi.

#### **PENGARUH PENTERJEMAHAN KE ATAS BAHASA JERMAN**

Dalam sejarah bahasa Jerman, perkembangan yang paling pesat boleh dikatakan melalui tulisan-tulisan Martin Luther (1483-1546). Penulis ini dianggap sebagai salah seorang yang mencipta bahasa Jerman Modern terutama sekali melalui penterjemahannya daripada buku "AI-Kitab" yang ditulis dalam bahasa Yunani. Luther memilih satu dialek untuk terjemahannya. Sebenarnya semua bahasa berasal daripada satu dialek atau yang menjadi bahasa untuk satu kaum, satu negara. Misalnya bahasa Melayu berasal daripada daerah Melayu Jambidi Sumatera. Dengan ini dialek itu (Bahasa Jerman Tinggi) menjadi Bahasa Jerman Rasmi. Karya terjemahannya "*Lutherbibel*" merupakan salah satu penciptaan yang paling besar dalam sastera Jerman. Terjemahan Luther itu bukanlah terjemahan yang pertama daripada buku "AI-Kitab" (sebenarnya sebelum Luther sudah ada 14 terjemahan dari buku tersebut), tetapi terjemahan Luther dianggap salah satu yang paling berjaya. Luther begitu rajin dalam kerjanya sehingga dia memberi arahan tepat kepada penerbit serta pencetaknya. Terjemahan pertama ialah "Perjanjian baru yang diterbitkan pada tahun 1522". Terjemahan "AI-Kitab" sepenuhnya diterbitkan pada tahun 1534. Percetakan yang terakhir (semasa Luther masih hidup) dibuat dalam tahun 1545.

Dalam tahun 1530 Luther menulis sepucuk surat untuk mempertahankan terjemahannya. Surat itu diberi tajuk "*Sendschreiber vom Dolmetschen*" (Surat mengenai terjemahan). Bahasa yang digunakan oleh Luther dalam terjemahannya ialah bahasa sehari-hari. Jadi beliau menyesuaikan Bahasa Jerman Tinggi kepada penggunaan bahasa sehari-hari.

Aspek pertama yang boleh diperhatikan dalam bahasa akibat daripada penterjemahan ialah pilihan dialek dan pilihan laras bahasa. Jikalau sambutan terjemahan luas sekali maka pengaruh terhadap bahasa yang digunakan serta semua aspeknya (dialek, laras dan sebagainya) akan diperhatikan dalam bahasa itu. dan sastera Mesir. Misalnya Batu Rosetta yang didapati di Mesir oleh seorang askar Perancis yaang bernama Bouchard pada tahun 1799 dan selepas itu dikaji oleh Champollion membolehkan pakar itu memahami bahasa Hieroglyphics yang pada masa itu belum diketahui. Rosetta itu merupakan salah satu karya dalam tiga bahasa di dunia (Hieroglyphics, demotic dan Yunani). Tarikhnya dianggap pada 196 sebelum T.M.

Antara faedah yang boleh didapati daripada penterjemahan ialah perluasan leksikon. Dalam kegiatannya penterjemahan memerlukan istilah; jadi istilah-istilah haruslah dicipta untuk mengisi satu kekosongan yang mungkin wujud dalam bahasa sasaran. Kadang-kadang satu perkataan tidak begitu jelas dari segi maknanya, tetapi dengan penciptaan istilah, perkataan lama atau perkataan baru diberi satu makna yang lebih nyata dan lebih tepat. Hal ini tidak bermaksud bahawa ada bahasa yang tidak begitu tepat, tetapi biasa terdapat dalam semua bahasa. Ada bidang dalam satu bahasa cukup luas istilahnya, sedangkan satu bahasa lain jumlah istilah berkurangan dalam bidang yang sama. Misalnya bahasa Malaysia amat jelas dengan istilah “Penterjemahan” dan “Terjemahan” yang bermaksud kegiatan dan hasil terjemahan sedangkan bahasa Perancis hanya mempunyai satu istilah untuk kedua-dua konsep yang berlainan itu (iaitu “*Traduction*” dalam bahasa Perancis). Dengan ini penterjemahan (atau penterjemah) mendesak, mendorong, memaksa pencipta istilah untuk mencipta istilah yang belum wujud dalam bahasa sasaran. Melalui penterjemahan, perbendaharaan kata satu bahasa pasti bertambah. Kadang-kadang konsep baru juga dimasukkan ke dalam bahasa sasaran melalui penterjemah. Kadang-kadang juga satu konsep yang tidak begitu penting dalam bahasa sasaran menjadi lebih terang melalui kegiatan penterjemahan. Misalnya konsep jantina tidak begitu penting dalam Malaysia, tetapi melalui penterjemahan daripada bahasa-bahasa Eropah sifat ini sudah lebih ketara dalam bahasa Malaysia dengan perbezaan saudara/saudari, siswa/siswi, belia/beliawanis. Perbezaan baru ini memperkaya bahasa Malaysia dari segi ketepatan. Kadang-kadang ada juga struktur baru yang masuk ke dalam bahasa sasaran. Misalnya istilah “Perdana Menteri” sudah diterima dalam bahasa Malaysia. Istilah itu merupakan satu pembaharuan dalam bahasa Malaysia sebab biasanya kata sifat mengikut kata nama. Dalam contoh itu kata sifat mendahului kata namanya.

Memang ada beberapa pakar bahasa yang membidas kegiatan penterjemahan dengan alasan bahawa penterjemahan akan menimbulkan beberapa gangguan atas bahasa sasaran. Memang jikalau ada dua bahasa yang dirapatkan beberapa gangguan boleh berlaku. Tetapi gangguan-gangguan itu lebih berasal daripada pengajaran bahasa kedua atau ketiga daripada

penterjemahan semata-mata. Jikalau pengajaran bahasa kedua dibuat dengan rujukan kepada bahasa pertama, gangguan pasti timbul dari segi ejaan, penggunaan istilah dan sebagainya. Penciptaan istilah juga boleh menjadi sebab gangguan berlaku. Misalnya jikalau istilah-istilah yang direka dalam bahasa pertama terlalu dekat dengan bahasa kedua, pastilah gangguan akan timbul. Sifat ini amat jelas dengan pencipta istilah dalam bahasa Malaysia yang terlalu dekat dengan istilah bahasa Inggeris sehingga pengguna selalu salah dari segi ejaannya baik dalam bahasanya mahupun dalam bahasa keduanya.

Jumlah penterjemahan dalam bahasa Malaysia makin lama makin bertambah, jumlah penterjemah pun bertambah. Memang mutu penterjemahan mesti dikawal seperti mutu peristilahan yang dicipta. Di Malaysia sekarang ini ada kesedaran bahawa bahasa merupakan hak atau harta semua orang Malaysia. Melalui penterjemahan pencinta bahasa Malaysia terlibat dalam perkembangan bahasa itu. Pada hujung abad ini terdapat dua unsur amat penting dalam perkembangan bahasa Malaysia: yang pertama ialah peranan bahasa Malaysia yang tersangat luas daripada dahulu yang bahasa itu sudah menjadi bahasa pengantar dari tadika hingga ke institusi pengajian tinggi. Bahasa Malaysia sudah membuktikan kebolehannya dalam perkara itu. Unsur kedua ialah kegiatan penterjemahan yang sedang dan akan memperkaya bahasa Malaysia. Kedua-dua unsur ini memerlukan satu peristilahan yang bermutu dan tulen.

Mungkin zaman ini akan diingati oleh cucu-cicit kita sebagai satu zaman gemilang untuk bahasa Malaysia, satu zaman perkembangan untuk bahasa Malaysia, satu zaman yang akan dibanggakan oleh pengguna-pengguna bahasa itu pada masa hadapan.